



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan,
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,
75450 Melaka

Tel: 06-2895000

Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207

Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/melaka>

Ruj. Kami : ANM(A) MEL/12 Jld 7 (08)
Tarikh : 19 Jun 2020
Bersamaan : 27 Syawal 1441H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PENGHANTARAN PENYATA PENYESUAIAN VOT, HASIL, AMANAH DAN DEPOSIT
BAGI BULAN MAC, APRIL DAN MEI 2020**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 7/2018, Bil. 3/2019 dan Bil. 4/2019.

2. Selaras dengan pengumuman Kerajaan bagi Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang bermula pada 10 Jun 2020 telah menetapkan bahawa, semua perkhidmatan Kerajaan hendaklah beroperasi sepenuhnya sepanjang tempoh PKPP. Sehubungan dengan itu, semua AP, PP, SPANM dan arahan operasi JANM hendaklah dipatuhi dalam tempoh PKPP dan seterusnya.

3. YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah diminta untuk mengemukakan Penyata Penyesuaian Vot, Hasil, Amanah dan Deposit bagi bulan **Mac, April dan Mei 2020 selewat-lewatnya pada 30hb Jun 2020 (Selasa)**. Kelewatan atau kegagalan pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan mengemukakan Penyata Penyesuaian tersebut pada tarikh yang ditetapkan akan menyebabkan ketidakpatuhan kepada Arahan Perbendaharaan 143(b) dan teguran di dalam Laporan Audit Tahunan di peringkat Persekutuan.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai di Unit Akaun seperti berikut :

- | | | |
|------|-------------------------------------|------------|
| i. | Pn. Norfazilah Binti Mohammad Yunos | 06-2895088 |
| ii. | Cik. Mariam Binti Abdul Hamid | 06-2895090 |
| iii. | Pn. Siti Noraini Binti Rosli | 06-2895062 |


5. Kerjasama dan tindakan segera pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan di dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD HAIZAN BIN KADIS C.A(M))
Seksyen Operasi,
b.p Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka.